

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95**

**Oktober/November 1994**

**FEL 405 Pengurusan Farmasi Hospital**

**Masa: (2 jam)**

---

**Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan dan 6 muka surat yang bertaip.**

**Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.**

**Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.**

1. Anda diminta untuk memberi kaunseling kepada seorang pesakit yang dirujuk daripada Klinik Kardiologi.

Maklumat Asas :

Nama : Encik ABC

Umur : 76 tahun

Diagnosis : Hipertensi

Penyakit Jantung Iskemia  
Jangkitan Saluran Pernafasan  
Atas (URTI).

Preskripsi :

Frusamid 40 mg OM x 2/12  
Slow K® 600 mg OM x 2/12  
Isordil® 20 mg TDS x 2/12  
Ampisilin 500 mg QID x 1/52  
Sirup Benadryl® 10 ml TDS x 1/52  
Parasetamol 500 mg TDS PRN (12 tablet)

Anda mendapati bahawa Encik ABC mengalami masalah untuk mengambil frusamid dan Isordil® sebagaimana yang dipreskripsikan. Mengikut Encik ABC, ubat-ubat tersebut adalah 'terlalu kuat' baginya sehingga menyebabkan sakit kepala teruk dan pening-pening. Beliau juga terpaksa bangun beberapa kali pada waktu malam untuk ke tandas. Menjawab soalan anda yang lain, Encik ABC menyatakan dia juga mengambil ubat-ubatan tradisional untuk rawatan hipertensi seperti yang dicadangkan oleh kawannya.

- (A) Senaraikan masalah pengambilan ubat-ubatan yang dialami oleh Encik ABC.

( 5 markah )

- (B) Terangkan pendekatan kaunseling anda kepada Encik ABC.

(10 Markah)

...3/-

(C) Bincangkan perbezaan antara tingkahlaku tak-komplians dengan swa-regulasi regimen dos ubat-ubatan.

(10 Markah)

2. (A) Terangkan dengan ringkas keperluan-keperluan asas yang diperlukan sebelum memulakan perkhidmatan farmasi pendispensan aseptik.

(10 Markah)

(B) Huraikan langkah-langkah yang sesuai untuk mengendalikan tumpahan sitotoksik di dalam wad.

(10 Markah)

(C) Bincangkan kebaikan-kebaikan dan keburukan-keburukan nutrisi parenteral semua-dalam-satu.

( 5 Markah )

3. (A) Beza dan bandingkan di antara nutrisi parenteral pusat dan pinggiran.

(10 Markah)

- (B) Terangkan dengan ringkas pengiraan bendalir pada kanak-kanak lelaki yang beratnya 5 kg dan berusia 1 (satu) tahun dan mengalami dehidrasi 10%.

(5 Markah)

- (C) AA adalah seorang wanita 30 tahun yang dirawat dengan nutrisi parenteral total (TPN) di rumah semajak 10 tahun yang lepas. Baru baru ini beliau mengalami hiponatremia. Nilai-nilai makmal terbarunya adalah seperti berikut.

Na <sup>+</sup>	=	125 mMol/L
K <sup>+</sup>	=	4.5 mMol/L
Cl <sup>-</sup>	=	105 mMol/L
HCO <sub>3</sub> <sup>-</sup>	=	35 mMol/L
Glukosa	=	5 μmol/L
Urea	=	2 μmol/L
Hgb	=	13 g/dL
Wbc	=	5,000/mm <sup>3</sup>
Plt	=	100,000/mm <sup>3</sup>
TP	=	65 g/L
Alb	=	40 g/L

Anggarkan keperluan natrium untuk TPNnya.

(10 Markah)

...5/-

4. (A) Seorang pakar perubatan ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai 'SELEGILINE', yang diwartakan berguna dalam perawatan pesakit Parkinsonisme. Pada pendapatnya, Unit Maklumat Drug merupakan tempat paling sesuai untuk memperoleh maklumat selengkapnya berhubung keberkesanan, kesan sampingan, keunggulan serta kekurangannya berbanding drug-drug lain yang digunakan untuk penyakit tersebut.

(i) Sekiranya anda adalah pegawai farmasi di Unit Maklumat Drug tersebut, rangkakan urutan langkah-langkah yang akan anda ambil untuk membuktikan pendapat pakar itu tidak bercanggah berasaskan pendekatan Watanabe.

(10 Markah)

(ii) Berikan pendapat serta alasan anda sama ada pencarian maklumat meliputi rujukan tersier/umum sahaja sudah memadai untuk memberikan maklumat yang diinginkan di atas.

(5 Markah)

(iii) Mampukah rujukan sekunder membantu dalam pencarian maklumat di atas? Berikan alasan anda.

(3 Markah)

(B) Apakah keunggulan rujukan primer berbanding rujukan sekunder dan rujukan umum?

(7 Markah)

5. Anda ditugaskan membina sebuah makmal untuk menyediakan injeksi natrium klorid dalam 500 ml botol kaca. Huraikan perkara-perkara berikut:

(i) Jenis perancangan yang terlibat dalam projek tersebut.

(8 Markah)

(ii) Bagaimanakah susun atur asas bilik-bilik dalam makmal itu mengikut Amalan Perkillangan Baik (sertakan pelan tapak).

(9 Markah)

(iii) Bagaimanakah cara anda memperolehi alat-alat kelengkapan yang sesuai bagi keperluan makmal tersebut.

(8 Markah)